

18 APR 2002

Mahathir-Libya

DR MAHATHIR TIBA DI LIBYA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

Oleh: Mohd Arshi Daud dan Khaidzir Md Yunus

TRIPOLI, 18 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan tiga hari bertujuan meningkatkan hubungan dua hala dan ekonomi antara kedua-dua buah negara.

Perdana Menteri yang mengetuai rombongan terdiri daripada beberapa orang menteri, pegawai dan ahli perniagaan tiba dari Casablanca, Maghribi dengan pesawat Boeing 777 Penerbangan Malaysia yang mendarat di Lapangan Terbang Tentera Mitiga di sini kira-kira 2.30 petang waktu tempatan (8.30 mlm waktu Malaysia).

Ketibaan beliau disambut Setiausaha Agung Jawatankuasa Rakyat Libya, Ir Imbarak Abdalla Al-Samekh.

Dr Mahathir diberikan sambutan rasmi dengan upacara tembakan meriam 21 das serta perbarisan kehormat.

Antara anggota kabinet yang mengiringi Perdana Menteri ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Nazri Aziz dan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Turut menyertai rombongan itu ialah Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Bendera Malaysia dan Libya dikibarkan di lapangan terbang serta sekitar bandaraya Tripoli bagi menyambut ketibaan Dr Mahathir dan rombongan.

Sebelum itu, di Lapangan Terbang Mohamed V, Casablanca, Perdana Menteri Maghribi Abderrahmane Youssoufi dan anggota kabinetnya mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan rombongannya.

Dr Mahathir adalah dalam rangka lawatan seminggu ke dua buah negara Afrika Utara iaitu Maghribi dan Libya serta Bahrain di Timur Tengah, yang bermula Isnin lepas.

Kemuncak lawatannya ke Maghribi ialah dengan menandatangani perjanjian dua hala dan pakatan kerjasama antara sektor swasta kedua-dua buah negara termasuk antara Petronas dan syarikat petroleum kebangsaan Maghribi (ONAREP).

Dr Mahathir juga turut mengadakan pertemuan dengan para intelektual Maghribi di Rabat dan masyarakat peniaga di Casablanca sebelum mengakhiri lawatan.

Sejurus selepas tiba di Libya, Dr Mahathir berjumpa pemimpin negara itu, Muammar Gaddafi di kediaman rasminya Bab Al-Aziziyah di Tripoli.

Beliau dijadual mengadakan pertemuan tertutup dengan Imbarak Abdalla Al-Sameikh hari ini sebelum menghadiri mesyuarat perwakilan di Hotel Al-Kabir di mana Perdana Menteri dan rombongannya menginap.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir akan diraikan oleh Imbarak pada majlis makan rasmi.

Esok, Dr Mahathir akan menghadiri upacara meletakkan kalungan bunga di Memorial Shuhada Al-Hani sebelum berlepas ke Benghazi untuk melawat Takungan Air Omar Mokhtarof.

Beliau akan menunaikan fardu Jumaat di Masjid Benghazi sebelum berlepas balik ke Tripoli.

Dr Mahathir juga dijadual bertemu dan mengadakan dialog dengan ahli perniagaan Malaysia dan tempatan di Tripoli pada sebelah malam Jumaat.

Beliau akan berlepas ke Bahrain pada Sabtu.

-- BERNAMA

KHY MAD DC MOZ